



## **SIARAN MEDIA** **KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

---

### **JELAJAH BIOEKONOMI 2024 BERMULA DI SABAH,** *Dijangka Menarik 65 Syarikat BBA & Berstatus Bionexus,* *Melahirkan 120 Bakat Bioteknologi*

---

**KOTA KINABALU, 2 MAC 2024** – YB Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini telah melancarkan siri Jelajah Bioekonomi 2024, sebuah program di bawah Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation).

Program jelajah itu menyokong Dasar Bioteknologi Negara 2.0 (DBN 2.0) dalam mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi oleh kebanyakan pemain industri, seperti kekurangan akses kepada pembiayaan, kesulitan dalam mendapatkan pensijilan, akreditasi dan akses pasaran, serta kesukaran mencari pekerja yang berpengetahuan.

YB Dato' Haji Mohammad Yusof menyeru usahawan, syarikat, dan bakat industri bioteknologi dan berasaskan bio, terutamanya di rantau Borneo, untuk menyertai Jelajah Bioekonomi dan memanfaatkan perkhidmatan Bioeconomy Corporation yang dapat menyokong keperluan industri mereka.

“Sehingga 2023, sejumlah 488 syarikat berstatus BioNexus dan BBA telah meraih pelaburan diluluskan bernilai RM8.3 billion, menjana pendapatan RM20.4 bilion dan mencipta hampir 15,000 peluang pekerjaan di Malaysia.

“Sejak 2021, lebih daripada 1,800 calon telah berdaftar di bawah program BeST 2.0 untuk ditempatkan dan dilatih sebagai pekerja di syarikat-syarikat berstatus BioNexus dan BBA, dengan kadar pengambilan kerja sebanyak 96 peratus,” tambah beliau semasa melancarkan program tersebut di sini hari ini.

Menurut YBrs. Encik Mohd Khairul Fidzal Abdul Razak, Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corporation, “Kami menyasarkan sejumlah 65 buah syarikat dari seluruh Malaysia untuk menyertai program Status BioNexus dan BBA, dan seramai 120 orang calon untuk menyertai program BeST 2.0 melalui siri Jelajah Bioekonomi pada tahun ini.

“Bioeconomy Corporation akan melakukan susulan rapat dengan pemain-pemain ini dan memastikan mereka diberikan akses kepada semua kemudahan dan bantuan yang dijanjikan.

“Dengan semangat *bioeconomy for all*, kami yakin Jelajah Bioekonomi akan melahirkan satu lagi generasi usahawan, syarikat serta bakat yang hebat, berinovasi, dan berdaya saing melalui program-program bimbingan anjuran MOSTI bersama Bioeconomy Corporation,” tambah beliau.

Siri Jelajah Bioekonomi akan dilaksanakan di sembilan lokasi iaitu Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan di Sabah, Kuching dan Miri di Sarawak serta kawasan Utara, Timur, Selatan, dan Tengah di Semenanjung Malaysia sepanjang tahun 2024.

Melalui siri ini, pemain-pemain industri didedahkan kepada perkhidmatan fasilitasi oleh Bioeconomy Corporation yang dapat meningkatkan prestasi perniagaan, memperluaskan skala operasi dan memudahkan mereka menerima insentif-insentif khas seperti insentif cukai.

Fasilitasi ini termasuklah pembangunan produk, pensijilan, pengiktirafan ujian makmal, serta kemudahan Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan, dan Inovasi (R,D,C&I).

Bioeconomy Corporation juga turut bekerjasama dengan MOSTI serta agensi-agensi lain di bawahnya dengan memberi khidmat nasihat dan sokongan dalam akses pasaran, pembiayaan, bantuan cukai, perkhidmatan imigresen, hal ehwal regulatori, harta intelek serta pembangunan bakat dan pekerja berpengetahuan.

**### TAMAT ###**

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI  
2 MAC 2024**

## **Mengenai Bioeconomy Corporation**

Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (Bioeconomy Corporation) merupakan agensi pembangunan ekonomi utama bagi industri bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia. Ditubuhkan pada tahun 2005, Bioeconomy Corporation berada di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan merupakan syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Bioeconomy Corporation memberi sokongan, kemudahan dan khidmat nasihat dalam bidang perniagaan, pelaburan, R&D, pembangunan modal insan, infrastruktur kewangan, rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan, pembangunan strategik, dan sokongan kerajaan. Melalui perkhidmatan ini, Bioeconomy Corporation membangunkan komuniti perniagaan, akademik, dan saintifik yang memacu industri bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia.

Melalui Bioeconomy Corporation, Kerajaan menganugerahkan Status BioNexus kepada syarikat antarabangsa dan Malaysia terpilih yang menjalankan aktiviti bioteknologi, berasaskan bio atau sains hayat. Dengan status ini, syarikat BioNexus menerima insentif fiskal, fasilitasi dan jaminan lain yang diuruskan oleh Bioeconomy Corporation bagi membantu pembangunan syarikat.

Bioeconomy Corporation juga menawarkan program Bio-based Accelerator (BBA) yang membantu syarikat-syarikat pemula, perniagaan mikro dan syarikat besar dalam sektor berasaskan bio untuk menerapkan sains, teknologi dan automasi dalam operasi perniagaan mereka, supaya mereka menjadi lebih inovatif dan celik teknologi. Program ini mengenal pasti jurang dalam kemahiran, penggunaan teknologi, kewangan, kawal selia dan kebolehpasaran produk.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.bioeconomycorporation.my](http://www.bioeconomycorporation.my).

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

### **Bioeconomy Corporation**

Nur Akmar Yusoff  
Eksekutif,  
Komunikasi Strategik  
Malaysian Bioeconomy Development Corporation  
Tel: +6012 690 6108  
E-mel: [akmar.yusoff@bioeconomycorporation.my](mailto:akmar.yusoff@bioeconomycorporation.my)